

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1975

ELAUN-ELAUN BAGI PERKHIDMATAN JURUBAHASA/
PENTERJEMAH

Kerajaan telah meluluskan elaun-elaun (...) ¹ seperti yang berikut kepada Jurubahasa dan Penterjemah dalam Perkhidmatan Jurubahasa/Penterjemah:—

(a) [*Elaun Khas Berpencen*]²

Elaun Khas sebanyak \$30.00 sebulan akan dibayar kepada semua Jurubahasa/Penterjemah dalam Perkhidmatan tersebut.

(b) [*Elaun Bahasa Berpencen*]³

Kadar Elaun Bahasa mengikut syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatan Jurubahasa/Penterjemah adalah dipinda seperti di bawah ini:—

Kadar Sekarang		Kadar Baru
\$18	...	\$25
27	...	35
35	...	45
44	...	60
53	...	80
87	...	100

(c) *Elaun Baju Kot*

Seseorang Jurubahasa Mahkamah yang diperlukan memakai baju kot semasa menjalankan tugas-tugas di Mahkamah akan dibayar Elaun Baju Kot sebanyak \$50 setahun.

(d) *Elaun Pesuruhjaya Sumpah*

Seseorang Jurubahasa Mahkamah yang ditawarkan sebagai Pesuruhjaya Sumpah akan dibayar Elaun Pesuruhjaya Sumpah sebanyak \$25 sebulan.

Tarikh Kuatkuasa

2. Kadar elaun-elaun seperti di atas itu dan kadar pembayarannya adalah dikuatkuasakan mulai daripada tarikh seperti yang dinyatakan di bawah ini:

Jenis Elaun	Tarikh Kuatkuasa
Elaun Khas	1hb Januari, 1974
Elaun Bahasa	} 1hb Jun. 1974
Elaun Baju Kori	
Elaun Pesuruhjaya Sumpah	

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
 MALAYSIA,
 BANGUNAN U.M.B.C.,
 JALAN SULAIMAN,
 KUALA LUMPUR,
 17hb Mac, 1975.

CATATAN:

- ¹ Perkataan dipotong menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 76 bertarikh 28hb Oktober, 76. Perkataan asal ialah [tidak berpencen].
- ² Perkataan digantikan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 76 bertarikh 28hb Oktober, 1976. Perkataan asal ialah [Elaun Khas].
- ³ Perkataan digantikan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 76 bertarikh 28hb Oktober, 1976. Perkataan asal ialah [Elaun Bahasa].